

**Empat beranak  
ahli keluarga  
mangsa  
direman tujuh  
hari oleh  
Mahkamah  
Majistret Kota  
Samarahan  
berhubung kes  
merogol dua  
beradik  
di Serian.**



## Bapa, datuk, 2 bapa saudara direman kes rogol dua beradik

**Kota Samarahan:** Seorang lelaki berusia 57 tahun bersama tiga anak lakinya yang berusia antara 26 hingga 42 tahun yang disyaki merogol dua beradik perempuan di Serian sejak enam tahun lalu, direman selama tujuh hari, mulai semalam hingga 19 Ogos ini.

Empat suspek itu yang ditahan polis di Serian petang kelmarin adalah datuk, dua bapa saudara serta bapa kandung kedua-dua mangsa yang berusia 19 dan 14 tahun.

Mereka yang berpakaian lokap berwarna ungu tiba di Mahkamah Majistret di sini, pada jam 1 tengah hari semalam dengan diiringi anggota Ba-

hagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serian.

Pendaftar kanan Mahkamah Majistret, Dayang Roselind Awang Mahdini, kemudian mengarahkan semua suspek ditahan reman di IPD Serian untuk melengkapkan siasatan kes.

### Perbuatan terbongkar

Kes disiasat mengikut Seksyen 376B Kanun Keseksaan kerana sumbang mahram, jika sabit kesalahan membawa hukuman penjara tidak kurang sepuluh tahun dan tidak lebih 30 tahun serta sebatan.

Perbuatan empat beranak itu terbongkar selepas pihak Hospital Se-

rian membuat pemeriksaan terhadap seorang wanita yang mengandung 25 minggu yang dirujuk ke hospital itu, petang kelmarin.

Pihak hospital kemudiannya memaklumkan kepada polis selepas wanita berusia 19 tahun itu mendakwa menjadi mangsa rogol dan ketika ditemubual, mangsa mendedahkan perbuatan itu dilakukan empat lelaki iaitu datuk, dua bapa saudara serta bapa kandungnya.

Mangsa turut mendedahkan, adik bongsunya yang kini berusia 14 tahun turut menjadi mangsa empat lelaki berkenaan sejak dia berusia sembilan tahun.

BH

13/8/17

mls 60